



Kementerian
Kesihatan
Malaysia

COVID-19

RISIKO PESAKIT HEMODIALISIS



Pesakit yang menjalani dialisis berisiko mendapat penyakit berjangkit seperti COVID-19 kerana sistem pertahanan badan mereka lemah, kebanyakannya sudah berumur serta mempunyai penyakit lain seperti kencing manis, darah tinggi.

Pesakit hemodialisis terdedah kepada risiko tambahan kerana perlu menghadiri dialisis 3 kali seminggu bersama - sama pesakit lain dan ada yang menaiki pengangkutan pusat.



Jangkitan COVID-19 lebih serius dan risiko kematian juga lebih tinggi di kalangan pesakit buah pinggang berbanding pesakit am.



Bukan Pesakit
Hemodialisis



Pesakit
Hemodialisis

PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19



MYHEALTHKKM



Bersama
Hentikan
Wabak
COVID-19



SCAN ME



Amalan berikut disyorkan bagi mengelakkan jangkitan COVID-19 :

- 1 Sentiasa mencuci tangan (dengan air dan sabun atau *hand sanitizer*).
- 2 Pakai pelitup muka sepanjang masa (jangan makan semasa dialisis, ambil sebiji gula jika rasa perlu. Makanlah di rumah sebelum ke pusat dialisis).
- 3 Duduk di kerusi yang sama setiap dialisis.
- 4 Sentiasa amalkan perjarakan 1 meter dari orang lain.
- 5 Duduk di rumah dan keluar hanya untuk urusan penting sahaja. Elakkan dari menghadiri majlis kahwin, kenduri, kematian.
- 6 Pastikan pengambilan vaksin COVID-19.
- 7 Elakkan kemasukan ke hospital dengan menitikberatkan perkara berikut :
 - Elakkan lebih air dalam badan dengan mengurangkan pengambilan garam dan air serta pastikan tidak terlepas sesi dialisis.
 - Pastikan pengambilan ubat yang betul.
 - Pastikan bekalan ubat mencukupi.
 - Pastikan kateter dialisis atau fistula dijaga dengan baik.
- 8 Beritahu unit dialisis sekiranya :
 - Tidak sihat.
 - Mempunyai keluarga yang positif Covid-19 atau dalam siasatan.
 - Telah ke hospital / klinik untuk mendapatkan rawatan kerana tidak sihat.
 - Baru discaj dari mana-mana hospital.

Ini membolehkan staf membuat persediaan agar dialisis anda dijalankan dalam keadaan selamat untuk semua di pusat dialisis.

Kerjasama semua pihak amat penting kerana kita semua bertanggungjawab untuk sama-sama menangani wabak COVID-19

KITA JAGA KITA



Kementerian
Kesihatan
Malaysia



MYHEALTHKKM



Bersama
Hentikan
Wabak
COVID-19



SCAN ME